

09/06/1999

Maruah negara di tangan rakyat

Syed Alwi Al-Jufri

HARI ini ada segelintir bergelar intelek Melayu menunjukkan sikap yang sangat buruk. Apa yang mereka lupa ialah mereka terperangkap dalam kancah pertarungan sengit untuk menjatuhkan sesama bangsa dan agama. Mereka hilang perhitungan sehingga sanggup bersekongkol dengan parti pembangkang. Lihatlah gelagat pemimpin pembangkang yang cuba mewujudkan barisan pembangkang semata-mata untuk menghadapi Barisan Nasional (BN) yang dianggap mereka sebagai musuh bersama.

Kalau kita bergaduh sesama adik beradik, maka cukuplah kita selesaikan sesama kita secara baik. Manusia mana yang tidak silap, dan kalau hanya hendak dicari silap, sampai bila kita harus bermusuhan dan bercakar sesama sendiri? Hanya mereka yang kurang matang suka berkelahi. Yang paling buruk perangai ialah mereka yang suka mengheret orang lain ikut sama.

Gah, inilah hakikat yang berlaku sekarang di arena politik negara. Dulu Malaysia disanjung, dipuji, dijulung, dihormat. Namun, kerana nila setitik rosaklah air sebelanga. Apa yang saya dengar di luar negara ialah kejian, kutukan dan penghinaan - yang semuanya berpunca daripada sebaran luas mengenai keburukan pemimpin negara, oleh siapa? Oleh orang Melayu sendiri. Buka pekong di dada, tanya selera. Meludah ke langit jatuh ke muka sendiri.

Mengapa tidak sesetengah kita mengalah demi kebaikan bangsa? Ini tidak, kita mahu tunjuk keras kepala, tunjuk pandai.

Sebenarnya, tulisan saya ini ditujukan kepada pihak tertentu dan tindak-tanduk kebudakannya yang disokong membabi buta oleh orang yang kurang waras fikiran dan mempunyai fahaman dan agenda politik sempit. Mereka gagal melihat keadaan peringkat yang lebih tinggi dan lebih penting. Mereka gunakan demokrasi sebagai platform untuk melepaskan geram. Ini semua adalah kegagalan mereka menimba ilmu dan mengawal nafsu. Nafsu buas itu bukan saja terbatas kepada naluri seksual, tetapi lebih besar dari itu, lebih ganas dari itu sehingga boleh merosakkan dan meruntuhkan negara.

Memang benar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai manusia biasa, tidak boleh lari daripada kesilapan, tetapi ini tidak bermakna beliau mahu lelong Malaysia bulat-bulat. Usaha untuk mengawal pedagang mata wang dan keluar-masuk wang adalah buah fikiran Dr Mahathir. Yang penting sekarang ialah usaha Dr Mahathir sudah berjaya menyelamatkan negara daripada neo-kolonialisme. Perkiraan parti pembangkang ialah rakyat akan terpengaruh dengan sentimen anti-kerajaan. Pada amnya, rakyat lebih pentingkan periuk nasi dan keselesaan hidup, tidak kira siapa yang memerintah. Parti pembangkang nyata tidak mampu membawa pembangunan. Dengan retorik pembangunan, pilihan raya tetap akan menyebelahi BN. Jatuhnya kerajaan yang ada akan membawa huru-hara dan ketidakstabilan. Semua rakyat akan mengalami kesukaran.

Bagi rakyat yang matang, fikirlah kepentingan negara. Tolaklah sebarang ancaman yang akan membuat negara terus tersungkur.